

**Biografi Timbalan Ketua Pengarah Balai Seni Visual Negara:
Amerrudin Ahmad**

Aina Karmila Zalzalah
Nursyazwani Rosdi
Nurussobah Hussin
Wan Satirah Wan Mohd Saman

**Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah
Alam, Selangor**

Abstrak

Artikel ini berasaskan sumber daripada pembacaan dan kajian penulis terhadap tokoh serta sumber lisan yang dijalankan bersama Amerrudin Ahmad yang merupakan seorang Timbalan Ketua Pengarah Balai Seni Visual Negara. Beliau sangat berpengalaman di dalam bidang seni. Pengalaman yang dimiliki oleh beliau amatlah berharga dan dapat memberi manfaat kepada orang ramai terutamanya bagi yang ingin melibatkan diri dalam bidang seni. Sumber lisan ini dapat dijadikan sebagai rujukan primer di masa akan datang. Oleh itu, maklumat ini perlu didokumentasikan melalui teknik sejarah lisan.

Kata kunci: Amerrudin Ahmad, Balai Seni Visual Negara, Seni.

Abstract

This article was based on author's reading and research about the extraordinary person. It also based on the verbal source which was conducted with the Deputy of Head Director of the National Art Gallery of Malaysia, Amerrudin Ahmad that has been known as the knowledgeable people in the arts field. His experiences are valuable and could provide benefit to the public especially for those directly involved in the arts field. This oral history may serve as a primary reference in the future. Therefore, this information needs to be documented through oral history techniques.

Keyword: Amerrudin Ahmad, National Art, Gallery, Art.

Pengenalan

Balai Seni Visual Negara atau sebelum ini dikenali sebagai Balai Seni Lukis Negaraditubuhkan pada tarikh 28 Ogos 1958. Balai Seni Visual Negara melalui bahagian Koleksi dan Konservasi merupakan infrastruktur seni utama kepada negara kerana fungsinya untuk menyimpan serta memulihara hasil seni negara sejak tarikh penubuhannya. Sehingga kini Balai Seni Visual Negara telah mengumpul hampir 5,000 koleksi daripada pelbagai genre. Kini institusi ini bukan sahaja menerima penyelidik tempatan, malah menerima kunjungan dari penyelidik dari luar negara dalam terutamanya dari institusi pengajian tinggi untuk membangunkan penyelidikan dalam bidang seni visual. Ini adalah kerana, Balai Seni Visual Negara mempunyai koleksi terbesar dalam seni moden dan seni kontemporari Malaysia dan sudah menganjurkan lebih daripada 20 pameran yang terdiri daripada pameran retrospektif, pameran solo dan pameran berkumpulan (Balai Seni Visual Negara, 2019)

Timbalan Pengarah Ketua Pengarah Balai Seni Visual Negara, Amerrudin Ahmad adalah salah seorang individu yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan Balai Seni Visual Negara. Beliau berkhidmat dari tahun 1997 sehingga kini iaitu tahun 2019, dimana hampir 22 tahun beliau bergiat aktif dalam bidang seni di dalam Balai Seni Visual Negara. Seorang yang sering berada di belakang tabir menjadi tunjang kepada kejayaan Balai Seni Visual di negara kita, Malaysia.

Latar Belakang

Amerrudin Ahmad merupakan anak kelahiran Kuala Ketil, Baling, Kedah (Ahmad Zam Hariro et al., 2017). Anak jati Kedah ini dilahirkan pada tanggal 7 Oktober 1970 bersamaan dengan hari Rabu, 6 Syaaban 1390 Hijrah dan kini menetap di Bandar Mahkota Cheras, Hulu Langat, Kajang Selangor. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang serba

kekurangan, kerana bapanya telah meninggal dunia ketika beliau berusia 11 tahun dan dibesarkan oleh ibunya, Cik Gayah Murad. Namun kehidupan yang sederhana menjadi motivasi untuk beliau terus berusaha dalam mengubah nasib keluarganya. Beliau yang dikenali sebagai “Teruna” dalam kalangan ahli keluarganya, merupakan anak bongsu daripada lapan (8) orang adik beradik yang terdiri daripada empat (4) orang lelaki dan empat (4) orang perempuan.

Ketika kecil, beliau amat meminati sukan tinju kerana beliau sering menonton lagenda peninju muslim dunia Muhammad Ali di rangkaian televisyen. Meskipun mendapat kurang pendedahan tentang dunia luar, beliau sering melihat idolanya di televisyen dan kagum serta dianggap sebagai Jaguh Melayu pada ketika itu. Pada masa yang sama juga, idolanya pernah mengadakan pertandingan tinju di Kuala Lumpur, itu membuatkannya semakin nekad untuk menjadi seperti Muhammad Ali.

Pada tahun 1999, di usia 29 tahun beliau mendirikan rumah tangga bersama isterinya yang tersayang iaitu Puan Norashikin Mohd Noor. Hasil daripada perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan tiga (3) orang cahayamata yang dikasihi dan disayangi bagi menatang minyak yang penuh. Ketiga-tiga anaknya yang terdiri daripada dua perempuan dan seorang lelaki sehingga masih belajar. Isteri beliau merupakan seorang bekas penyunting di Utusan Malaysia dan kini merupakan suri rumah sepenuh masa demi menumpukan sepenuh perhatian kepada keluarga. Amerrudin Ahmad diberikan kelebihan dalam memasak menjadi penyebab kepada beliau menjadi seorang bapa yang sangat rapat dengan keluarganya dan sering meluangkan masa bersama-sama.

Latar Belakang Pendidikan

Amerrudin Ahmad mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kuala Ketil, Kedah pada tahun 1977. Kemudian semasa berada di darjah dua, beliau berpindah ke Sekolah Kebangsaan FRIM Kepong selama setahun kerana mengikuti kakaknya untuk menetap di Kuala Lumpur. Kemudiannya, pada tahun 1979, beliau berpindah semula ke kampung untuk tinggal bersama ibunya dan bersekolah semula di

sekolah lamanya sehingga tahun 1982. Tamat sekolah rendah, pada tahun 1983 hingga tahun 1985 beliau menyambung pendidikan di peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Ketil dan di tingkatan empat beliau ditukarkan sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah, Machang, Kelantan. Hal itu kerana mengikuti kakaknya berhijrah ke Kelantan sehingga ke peringkat tingkatan enam atas, tahun 1989. Semasa zaman persekolahan, beliau sangat aktif dalam aktiviti persatuan dan juga dalam bidang sukan antaranya bola sepak dan sukan olahraga oleh kerana memiliki bentuk badan yang sasa membuatkannya sering ditempatkan di posisi pertahanan dalam acara bola sepak. Pencapaian tertinggi beliau dalam sukan adalah bermain bola sepak mewakili sekolahnya sehingga ke peringkat daerah.

Selepas tamat peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), pada tahun 1990 beliau melanjutkan pelajarannya di peringkat Ijazah Am dan mengambil Jurusan Seni Reka Bentuk di Institut Teknologi MARA (ITM), Shah Alam selama empat tahun. Semasa pengajiannya, ITM telah dinaiktaraf sebagai sebuah universiti yang dinamakan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan secara automatik Ijazah Am tersebut ditukar kepada Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Seni Halus dan ditambah tempoh lagi selama setahun iaitu menjadikan beliau menamatkan pengajian di peringkat Ijazah selama lima tahun. Pada tahun 2011 sehingga 2013 sekali lagi beliau melanjutkan pelajarannya di peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Seni Halus di University Northumbria, United Kingdom.

Penglibatan Awal Dalam Bidang Seni

Penglibatan beliau dalam bidang seni mula tercetus semasa beliau mengambil STPM di dalam kelas melukis. Menurut beliau, minatnya dalam seni lukis merupakan minat daripada kecil tetapi beliau tidak memandangnya ke arah yang begitu serius. Faktor yang mempengaruhi fikirannya tentang itu adalah kerana tidak diberi penghargaan oleh orang sekelilingnya terutama sekali gurunya. Oleh itu, beliau lebih memberi tumpuan dalam bidang sukan. Namun, kelebihan beliau mulai dipandang serius apabila gurunya, Encik Lim Swee Tin yang kini dikenali sebagai Profesor Dr Lim seorang sasterawan di Universiti Putra Malaysia (UPM)

melihat kebolehannya dalam melukis dan mula memberi penghargaan di atas kebolehannya itu. Beliau pernah diberikan kepercayaan oleh gurunya dengan pelantikan sebagai pereka untuk majalah sekolah. Lukisan-lukisan yang dihasilkan juga digantung dan dipaparkan di papan-papan kenyataan sekolah.

Mulai saat itu, beliau merasakan keupayaan beliau dihargai dan mulai bersemangat untuk bergiat dalam bidang seni ini. Pengiktirafan oleh En Lim Swee Tin telah membuka mata beliau dalam menghargai bakatnya dalam bidang seni. Beliau mengatakan ketika itu merasakan dirinya begitu istimewa dalam sekolah kerana bakatnya dipandang tinggi di khalayak ramai di mana sebelum ini bakatnya hanya dipendam sendiri. Beliau berpendapat bahawa selain ibu bapa, peranan seorang guru amatlah penting dalam membimbing anak didiknya menjadi manusia yang bertamadun. Perhatian seorang guru itu juga dapat mengenalpasti kebolehan anak didiknya supaya mampu meletakkan suatu semangat untuk mereka dalam meneruskan apa yang diminati. Hal ini juga disokong oleh Nik Hasnah (2014) yang menyatakan seorang guru bertindak sebagai model selain dari ibu bapa, guru adalah pendidik yang mencorak anak bangsa menjadi orang yang berguna (Nik Hasnah, 2014).

Sejak itu, beliau memandang bidang seni sebagai sesuatu yang amat besar dalam kehidupannya kerana titik permulaan penglibatannya dalam bidang seni yang membuatkan beliau melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi dalam bidang seni halus yang diminati beliau. Sehingga kini hampir 29 tahun beliau sudah bergiat dalam bidang seni halus dan telah bekerja di Balai Seni Visual Negara selama hampir 22 tahun. Permulaan kariernya telah bermula sebagai pereka bebas dan kini seorang Timbalan Ketua Pengarah di Balai Seni Visual Negara.

Pengalaman Dalam Kuratorial

Antara tanggungjawab yang besar yang diamanahkan adalah dalam bahagian Kuratur di Balai Seni Visual Negara. Hampir 21 tahun beliau terlibat dalam bidang kuratorial sepanjang kariernya di dalam bidang seni. Menurut beliau, memikul tanggungjawab ini bukanlah sesuatu yang

mudah, tetapi beliau bersyukur diberikan peluang untuk merasa pengalaman itu. Pelbagai pengalaman yang telah dikumpul sepanjang 21 tahun berada di bahagian kuratorial. Meminati bidang seni membuatkannya berasa bersemangat dalam melakukan hal-hal yang terus kepada objek, lukis bahan dan sebagainya. Beliau juga merasakan berpeluang berjumpa pelukis-pelukis terkenal dari seluruh pelusuk dunia adalah sesuatu yang sangat bermakna. Perasaan itu semakin meninggi apabila beliau dapat berkongsi maklumat-maklumat tentang pameran dan adakah perkongsian beliau menjadi rujukan kepada rakan-rakannya.

Mengendalikan pameran yang menghimpunkan bahan-bahan seni dari pelbagai bentuk, lukisan dan sebagainya bukanlah sesuatu yang mudah. Antara pengalaman yang dikongsi ialah ketika beliau mengendalikan sebuah Pameran Orang Asli. Beliau menceritakan pengalamannya mendekati masyarakat orang asli. Meskipun agak kekok pada mulanya, tapi diatas sikap ingin tahu beliau berusaha untuk memahami dan mempelajari gaya hidup, bahasa untuk berinteraksi serta kepelbagaiannya makanan yang di masak oleh orang asli itu sendiri. Pada masa yang sama, beliau juga berpeluang mempelajari budaya hidup orang asli malahan dapat mengenali bahan-bahan seni lukis orang asli. Pengalaman seperti ini sedikit sebanyak memberikan pendedahan terhadap beliau tentang masyarakat orang asli.

Beliau juga berpeluang menghadiri kursus di National Research Laboratory for Conservation of Culture Property di Lucknow selama setahun dari tahun 1998 sehingga 1999. Beliau juga turut berkesempatan mengenali budaya negara India dengan lebih terperinci. Dipilih untuk berkursus di India merupakan suatu kelebihan di mana beliau dapat melihat dan memahami betapa pentingnya bidang konservasi seni ini. Beliau juga menekankan bahawa mempunyai ilmu pengetahuan yang luas mampu membimbing rakan setugas di dalam pergerakan kerja. Mereka yang berilmu akan mempunyai idea yang bernas untuk mencapai matlamat di dalam pekerjaan. Sekiranya kita menjadi seorang pemimpin, pastinya rakan sekerta akan memandang tinggi kepada kita. Bermula bekerja dari peringkat bawah semestinya memberikan kelebihan kepada beliau untuk mengenali proses sesuatu kerja itu dengan lebih terperinci

dan menjadikan beliau seorang yang bertolak ansur serta disegani oleh rakan sekerjanya di atas pengalaman-pengalaman yang diperoleh beliau semasa bekerja di dalam bahagian kuratorial.

Pengalaman Sebagai Timbalan Ketua Pengarah Balai Seni Visual Negara

Kini, Amerrudin Ahmad merupakan seorang Timbalan Ketua Pengarah di Balai Seni Visual Negara. Sebelum ini beliau merupakan Ketua Kurator Kanan dan kini memangku jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah bahagian Operasi di Balai Seni Visual Negara. Menurutnya, jawatan ini merupakan jawatan baru yang diwujudkan dan beliau merupakan individu pertama yang memegang jawatan ini. Menjawat jawatan yang besar ini bukanlah sesuatu yang mudah. Beliau turut menjelaskan bahawa keadaan kerja ketika itu amat sukar berikutan dengan tugas yang ditanggung oleh Ketua Pengarah dahulunya, kini menjadi tugas yang perlu dilaksanakan oleh beliau. Adalah menjadi tanggungjawab beliau dalam melihat keseluruhan hala tuju Balai Seni dalam membentuk operasi di masa hadapan.

Dalam kesibukan memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah, beliau turut terlibat dalam memberikan ceramah dan motivasi kepada institusi awam seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan persatuan-persatuan yang bergiat di dalam bidang konservasi. Antara topik popular yang sering diminta oleh insititusi luar untuk dikongsikan anataranya berkaitan dengan kesedaran masyarakat akan karier seni di negara kita, kebebasan bersuara kepada pelukis dan sebagainya. Seterusnya, beliau turut membantu menjalinkan kerjasama bersama universiti tempatan dan juga universiti luar negara iaitu University of Melbourne, Australia dalam bidang konservasi. Dalam pada itu, beliau juga sedang sibuk menguruskan projek terbaru yang akan dilancarkan tidak lama lagi iaitu KUL Biennale yang akan dijalankan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Selain itu, beliau juga sering dijemput untuk menjadi juri dalam sesebuah pertandingan seni seperti Pertandingan Terbuka Seni di Pulau Pinang.

Seterusnya, pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan oleh beliau sepanjang berkhidmat di Balai Seni Visual Negara ialah beliau berpeluang untuk bekerja sambil melancong seolah-olah apa yang digambarkan semasa kecil telah menjadi kenyataan. Antara pengalaman manis beliau ialah ketika menjalankan kajian dan menghadiri kursus di India, beliau diberi kelebihan iaitu pas keluar masuk tempat-tempat bersejarah. Salah satu daripadanya adalah Taj Mahal.

Manakala, kenangan pahit beliau ialah ketika beliau menjadi seorang Kurator. Semasa merekod inventori dengan membuat pengiraan koleksi, beliau mendapati bahawa bilangan koleksi yang tercatat tidak sama seperti yang dikira. Sehubungan dengan itu, beliau telah melaporkan perkara tersebut kepada pengarah dan laporan tersebut telah dinyatakan di dalam laporan tahunan dan dibawa ke kabinet. Perkara itu memberi impak negetif kepada beliau kerana beliau dianggap telah menghilangkan bahan tersebut. Oleh kerana itu, satu persidangan bersama pihak media terpaksa dibuat demi membetulkan keadaan. Itu merupakan kenangan pahit sepanjang 22 tahun berkhidmat di Balai Seni Visual Negara.

Beliau ingin menggunakan segala pengalaman yang ada untuk dikongsikan demi memajukan Balai Seni Visual Negara pada masa akan datang. Selain itu, azamnya yang kuat untuk membawa perubahan kepada Balai Seni Visual Negara untuk menyesuaikan minat dengan golongan muda dan bergerak seiring dengan teknologi sekarang. Beliau ingin pelawat yang hadir bukan hanya datang untuk melihat pameran dan lukisan sahaja tetapi juga untuk mendapatkan maklumat, manfaat dan inspirasi untuk menjana pendapatan sendiri. Antara falsafah hidup yang dipegang olehnya ialah sentiasa menganggap semua manusia itu sama serta sentiasa berfikiran terbuka untuk menerima ilmu-ilmu yang baru.

Pencapaian

Pada tahun 2004 dan 2007, Amerrudin Ahmad telah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang daripada Menteri Kebudayaan dan Seni Malaysia. Selain itu, pencapaian lain yang boleh dibanggakan adalah ketika beliau menerima undangan dari Asasi Pelancongan Jepun untuk

melawat Muzium Seni di Fukuoka, Hiroshima, Osaka, Kyoto dan Yokohama. Beliau juga berpeluang menghadiri bengkel konservasi ASEAN+3 di China dan seterusnya mendapat pas keluar masuk sepanjang proses bengkel konservasi tersebut berlangsung di Beijing, Xansi, Xian, Inner Mongolia dan Gansu, China. Beliau juga pernah mendapat tajaan penuh daripada Balai Seni Visual Negara ketika melanjutkan pelajaran dalam Ijazah Sarjana Seni Halus di United Kingdom.

Harapan Terhadap Balai Seni Visual Negara

Harapan beliau adalah untuk melihat Balai Seni Visual terus dikenali dan tidak dilupakan oleh masyarakat Malaysia. Beliau juga berharap dirinya dapat melakukan perubahan yang sebaik mungkin selagi beliau masih berkhidmat di Balai Seni Visual Negara demi memastikan karya-karya seni terus terjaga dan diingati oleh semua masyarakat. Beliau berazam untuk melaksanakan tanggungjawab demi memajukan Balai Seni Visual Negara di masa akan datang melalui kaedah yang berbeza supaya masyarakat akan dapat melihat dan mula memberikan perhatian. Yang penting baginya ialah dapat membuka peluang kerjaya dalam kalangan golongan muda dan dapat menjana pendapatan. Seni itu sendiri juga mampu mempromosikan Malaysia di mata dunia atau erti kata lain “jual Malaysia” (Fatin Nabila et al., 2018)

Kesimpulan

Perkongsian tentang tokoh ini dalam memperkasakan dan menaikkan nama bidang seni sebagai kurator perlulah dicontohi sebagai tanda bidang seni ini masih hidup dan aktif dalam kalangan masyarakat walaupun dilanda arus permodenan. Bidang seni terutama jawatan sebagai kurator memainkan peranan penting dalam memastikan objek dan bahan-bahan yang bernilai terus digunakan dan dijadikan sebagai bahan rujukan untuk golongan muda pada zaman ini. Golongan muda perlu dibukakan mata dan diberi kesedaran untuk menghargai seni serta tidak memandang rendah pada jawatan seperti Kurator ini. Oleh itu, tokoh ini sememangnya telah menjadi contoh yang boleh dicontohi untuk

graduan supaya sentiasa menuntut ilmu dan bergerak seiring dengan perubahan dunia.

Rujukan

Ahmad Zam Hariro Samsudin, Habibi Mastura Norza Azham, Nur Farihatul Jannah Azime & Mohd Nazir Ahmad. (Oktober 2017). Biografi Lagenda Emas Sepak Takraw Negara: Suhaimi Bin Yusof. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 1(1). Retrieved from <https://jslim.uitm.edu.my/pdf/9.pdf>

Amerrudin Ahmad. (2019, 20 Oktober). Temubual Berkenaan “Pengalaman sebagai Timbalan Ketua Pengarah di Balai Seni Visual Negara”

Fatin Nabila Rusli, Ummi Qatura Md Salleh, Saiful Farik Mat Yatin, & Nordiana Mohd Nordin. (2018). Biografi Pemain Wau Antarabangsa: Kasmin Mirun@Jabar. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 2(2), 32-39. Akses di <https://www.jslim.uitm.edu.my>

Nik Hasnah Ismail (2014, August 15) Guru ejen pengubah masyarakat. BH Online. Akses 25 November 2019 di <https://www.bharian.com.my/node/722>

Sejarah LPSVN (Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara). (2019). Akses 13 Oktober 2019 di http://www.artgallery.gov.my/?page_id=3742